

22/06/2003

Candy, KL dan Putrajaya

CANDY, aku ada di KL lagi. Meniarap di atas tilam, kau di mana? Malam sedang menghampiri aku di sini? Bau harum rambutmu menyerbak di atas bantal. Asap rokok berkepul-kepul. Kelopak mata berair dan pedih. Di luar sana gelap senja, di sini suram lampu kamar. Kau di mana? Aku mengambil marijuana berlebihan. Aku mengambil marijuana keranamu. Marijuana menghapuskan rasa rendah diriku, Candy. Marijuana merasuk fikiranku kini.

Candy, oh KL, aku ini binatang.

Aku telanjang kedinginan dilitupi selimut tebal. Aku seperti haiwan liar menyorok di balik kegelapan belantara. Fikiran terus huyung-hayang. Aku nampak lalu lintas sibuk dan sesak di bawah sana. KL bertambah padat. Bangunan-bangunan angkuh berceracak di mana-mana. Buku The Art of War, Sun Tzu belum selesai dibaca.

Hidup adalah perjuangan antara individu yang kuat dan yang lemah, Jack London, penulis The Sea Wolf, mengacau fikiran.

Aku terfikir aku yang seorang pejuang.

Siaran TV entah program apa; bingit, kalut dan warna-warni.

Manusia haiwan berfikir, aku membebel terus-terusan dalam hati dalam kekhayalan fikiran.

Candy, katamu nenek-moyangmu imigran dari sebuah benua jauh. Aku tahu itu. Buku sejarah menceritakannya. Kerana bencana alam, kezaliman pemerintah, huru-hara dalam wilayah, kemiskinan dan cita-cita besar, bangsamu mengungsi ke sini ratusan tahun lampau. Daripada golongan pendatang, bangsamu menguasai sebahagian ekonomi dunia di sini kini. Aku kagumi bangsamu. Aku takjubi bangsamu. Aku hairan bangsamu. Bangsamu bangsa pejuang. Ya, kesusahan dan kegetiran hidup membesarkan jiwa sesebuah bangsa, itu fikirku. Dan nenek-moyangmu sebilangan individu yang terkuat yang memenangi perjuangan itu.

Maka, kau lahir daripada cantuman genetik yang menepati ciri-ciri manusia superman Nietzsche. Benar-benar superkah engkau? Kerana nenek-moyangmu dilimpahi kemewahan, adakah sebaliknya? Aku berfikir-fikir. Aku selalu nampak kau telan Ecstasy sebelum terkinja-kinja di night club.

Argh, kita dating sepanjang hari itu. Semalam, hari ini dan bulan sudah kita habiskan sia-sia begini. Minum dan makan di KFC, tengok wayang cerita Hollywood lakonan Harrison Ford, dan merayau-rayau tanpa hala. Kita akhiri di bilik Hotel Mandarin Oriental selalunya. Kau pura-pura tidak biasa. Aku memakai seluar Levis, kasut kulit, jaket. Naik Mercedes Benz. Megah dalam jiwa Melayuku. Tidak, itu cuma khayalan marijuana. Tidak, aku cuma memakai

kasut murah, naik teksi ke sini. Tidak seluar jenama mahal, yang bila kutanggalkan, hilang keangkuhan, tiada lagi kemegahan.

Kau tunggu aku di KLCC. Kau mahu aku temani kau membeli sedikit peralatan wanita. Aku lewat setengah jam. Jalan sesak, alasanku. Memang, KL bertambah padat. Dari jauh aku nampak mukamu masam. Kau merajuk lagi. Aku selalu gementar jumpa kau. Aku takut tersalah cakap dan kau akan meninggalkan aku. Aku kekok di sisimu. Kerana itu aku mengambil marijuana.

Moga lidahku lancar dan otakku berfikir tenang.

Oh, kau hebat, engkau harum, engkau seksi, engkau bergaya lima bintang.

Aku angkuh di sisimu dipandang orang, meski mungkin tiada siapa peduli.

Kemudian kita biarkan mata-mata cemburu memandang kita berjalan berpimpinan tangan ke lobi hotel! Aku megah macam lakonan Harisson Ford, si Yahudi tadi. Argh, tiada siapapun memandang kita!

Kau tahu, aku warga miskin dan bangsaku lemah. Aku malu mengangkat wajah, keluhku sambil berbaring atas tilam.

Kau berkain tuala, masuk ke bilik air. Bunyi air mencurah-curah.

The Malay Dilemma tersadai atas meja. Kau memandang aku sepi.

Aku dalam dilema. Mengapa kau sukakan aku? Tiada jawapan.

Fikiran berterbangan. Kegeniusan bangsa Yahudi (tergambar Albert Einstein, Sigmund Freud, Karl Marx, Steven Spielberg, Theodor Herzl). Kelicikan bangsa Cina Seberang Laut berdagang (terbayang Uncle Lim, Robert

Kuok, Quek Len Chan). Mengapa mereka bijak? Benarkah genetik bangsa mereka

dominan? Benarkah mereka bangsa tuan, bangsa unggul, bangsa pilihan tuhan?

Argh, di sini, kita berdua kering-kontang. Kau kehausan cinta, aku dambakan kemasyhuran dan kegemilangan.

Mengapa kau pandang aku asing? Kita bertentang mata lagi. Bola matamu takjub dan bingung.

Aku gagap dan kelu. Kau, si ratu bermata sepet di hadapanku, bercakaplah

sesuatu. Aku mahu mendengar suaramu.

Mengapa kau suka aku?

Katamu ketawa, kau juga manusia. Seks seperti makanan. Selera lain. Kau sukakan bangsa asing macam aku. Melayu. Kau akui sukakan warna kulit dan rambutku yang hitam. Kau membebel panjang. Argh, cinta tiada sempadan bangsa!

Aku membaca akhbar dan kau sudah bogel di depan mataku. Tak ada kau dalam mataku. Tak ada nafsu dalam mataku. Tak ada getar dalam darahku. Darahku biarlah membeku. Ombak tak menghempas dadaku. Tiada apa. Aku langsung sepi. Aku meneliti tubuhmu. Aku pandang seluruh tubuhmu inci demi

inci. Bola mataku tersipil. Aku mati sejenak.

Apa bezanya kau dengan perempuan lain?

Sama. Hanya saiz dan warna. Lainnya serupa, fikirku.

Mari sini, aku mahu pastikan sesuatu.

Kau menghampiri. Di lantai, tuala putih terperonyok. Kau jadi macam orang bodoh.

Oh, buah dadamu macam itu. Tergantung. Alat kelaminmu macam itu juga. Dilitupi bulu-bulu. Lekuk, lembah, teluk dan bonggol yang hampir serupa.

Bentuk fizikal yang sama seperti wanita lain. Macam Fatimah, macam Dewi. Di mana dan apa bezanya?

Kau seperti bingung dan malu bercampur gejala berahi. Rona mukamu kemerah-merahan. Dadamu berdebaran. Kau peluk aku tiba-tiba. Nafasmu mengah dan sesak.

Mengapa aku harus berasa rendah diri, memandang daif bangsaku, sedangkan kita semua sama? Aku lagi-lagi meracau dalam pelukanmu.

Kau macam tak pernah lihat tubuh perempuan?

Ya, manusia sama saja. Hanya lelaki atau perempuan.

Kau masih kehairanan. Kau bertanya, apa maksudku? Fikiran terus melamun-lamun.

Jam 12 malam. Fikiran terus rosak dan mamai. Merokok dan merokok lagi aku. Terkedang dan tertekan lagi atas tilam empuk. John Locke mati atas meja. Anthony Robbin, Dale Carnegie, Napolleon Hill, bapa motivasi agung moden itu, berbisik. Fikiran mereka merasuk fikiranku, sedang kau entah ke mana. Tidur pulas di asrama kolejkah engkau? Atau memberontak dalam bingit muzik disko dan jerit pemabuk.

KL, kau banggakan kota KL ini. Candy, aku tahu dalam pertelingkahan kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San, Kapitan Yap Ah Loy meneroka dan membuka Kuala Lumpur, kawasan lombong bijih timah. Di sinilah kita habiskan perjumpaan kita.

Maaf Candy, aku terpaksa mengingkari pengakuan cintaku. Engkau cuma teman tidur, seperti teman wanita Melayuku yang lain. Tahukah engkau, aku juga manusia agung! Aku takkan tunduk kerana rayuanmu. Aku tak mahu terjajah lagi kerana kelembutan dan kegebuhan tubuhmu. Itu boleh kunikmati daripada mana-mana perempuan pun. Kerana semua perempuan memiliki apa yang lelaki perlukan.

Menangislah kalau kau mahu.

Argh, semalam, apabila kau melafazkan cintamu, aku kurang percaya. Apabila kau serahkan tubuhmu, aku bingung, betul-betul bingung. Kau manusia asing. Mana mungkin menyukai Melayu macam aku. Aku ini bangsa lemah. Sembilan belas tahun, penuntut kolej swasta terkemuka, otakmu tidak lagi bodoh, kukira. Tapi, mengapa kau begitu jahil? Adakah kau sakit? Aku anggap bangsamu terlalu superior!

Aku mengimbas wajahmu, bangun tubuhmu kecil molek. Bentuk matamu sepet, kulitmu putih melepak, rambutmu lurus, dan panjang bersinar. Kau memakai seluar jeans ketat, baju menampakkan pusat dan ketiak. Tak ada coli.

Biarlah di sini berakhir semuanya. Biar kuceritakan semuanya. Candy, kala aku menindihmu, aku bayangkan aku sedang menghancurkan segala kelemahanku. Hilanglah segala ketakjuban bangsa. Engkau agung kerana aku memandang diriku kecil dan tidak berguna apa-apa. Candy, aku berjuang mengalahkannya kala kita sedang mencapai orgasm.

Aku telah meruntuhkan nation inferiority complex dalam diriku kala menidurimu. Seperti tubuh perempuan sebangsaku yang lain, yang

kunikmati,

kau juga memiliki tubuh yang sama dan orgasm yang serupa. Dan otak manusia juga sama.

Aku mencapai rokok Lucky. Tak kucampurkan marijuana. Aku rasa merdeka. Aku merokok lagi sepuas-puasnya. Nikmatnya serupa meski tanpa marijuana. Jumpa kau nanti, aku takkan gementar.

Candy, seperti perempuan, ia mungkin benda ajaib bagi kita. Tidak, ia juga seperti kita selepas kita menikmatinya. Semua perempuan memiliki bentuk fizikal yang hampir sama, tidak kira Jepun, British, Amerika, Russia, Arab, Latin, Chinese. Semuanya sama. Dan otak manusia juga sama. Macam kau. Tiada bangsa pilihan. Tiada apa-apapun dalam dunia ini. Tiada apa-apa. Tiada apa.

Argh, aku fikir kota KL Kapitan Yap Ah Loy ini akan ditinggalkan. Ia makin sesak. KL akan digantikan Putrajaya yang diilhamkan Dr Mahathir, seorang Melayu.